

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[STAMPIN]  
TARIKH : 24 OKTOBER 2017  
SOALAN : 16

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek berkaitan, status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta hospital Sri Aman. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat mengikut kontrak. Nyatakan sebab utama kelambatan projek tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap hospital tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

**Projek pembinaan tempat meletak kereta bertingkat HUS**

Bagi Projek Cadangan Menaiktaraf Hospital Umum Sarawak (HUS) secara Kerjasama Awam Swasta - *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) melalui kaedah perolehan *Swiss Challenge* yang melibatkan pembangunan kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat

dan lain-lain kemudahan fasiliti kesihatan, kontrak Perjanjian Konsesi (CA) telah dimeterai di antara Kerajaan dan Pemaju Projek pada 28 April 2017. Pihak Kerajaan kini dalam proses untuk menentukan Tarikh Kuatkuasa Projek, di mana Tarikh Mula Kerja-Kerja di Tapak Pembinaan dijangka akan diberikan pada tahun 2018 dengan tempoh pembinaan selama tiga (3) tahun dan diikuti oleh tempoh konsesi selama 17 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Hospital Sri Aman**

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

**Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah**

Kos Projek : RM8,434,391.09  
Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding  
Kaedah Perolehan : Tender Terbuka  
Kontraktor : Golden Matrix Sdn. Bhd.  
Tarikh Milik Tapak : 30 Julai 2012  
Tarikh Siap Sebenar : 29 Ogos 2013

29

## Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan

- Kos Projek : RM213,155,864.42
- Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding
- Kaedah Perolehan : Tender Terhad
- Kontraktor : Faltech Engineering Sdn. Bhd. JV Welfield Services Sdn. Bhd.
- Tarikh Milik Tapak : 26 Oktober 2015
- Tarikh Siap Semasa : 25 Oktober 2018
- Kemajuan Projek : Jadual: 66 %  
(sehingga September 2017) Sebenarnya: 40 % (Lewat 218 hari)
- Sebab-sebab Kelewatan Projek :
- 1) Pertukaran cerucuk *RC Square (Reinforced Concrete Square Pile)* kepada cerucuk spun akibat kekurangan bekalan cerucuk *RC Square*.
  - 2) Perubahan jenis cerucuk *spun* kepada *micropile* akibat penemuan *Hard Soil Layer* pada bangunan Kwarters Pegawai sewaktu pembinaan.
  - 3) Bilangan pekerja dan aktiviti semasa adalah tidak mencukupi untuk tujuan pemulihan kerja.
  - 4) Kelemahan strategi pengurusan pembinaan pihak kontraktor dalam mengoptimumkan sumber di tapak

- Tindakan yang telah : 1) Mesyuarat Jawatankuasa *Problem Solving* Diambil oleh pihak *Governance (PSG)* JKR pada 7 September 2017 telah menetapkan pencapaian minimum pihak kontraktor untuk bulan September ke atas adalah 4.5%. Sekiranya gagal, Pegawai Penguasa (PP) dikehendaki untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan kehendak kontrak.
- 2) Mengadakan mesyuarat koordinasi secara mingguan bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dan memantau pencapaian kontraktor berbanding sasaran kerja.
  - 3) Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kelewatan untuk menunjukkan kedudukan kemajuan projek
  - 4) Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa JKR pada 13 September 2017 menjelaskan kontraktor mempunyai asas untuk dipertimbangkan pemberian lanjutan masa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Projek Hospital Petrajaya**

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek : RM500,000,000.00

Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina

Kaedah Perolehan : Rundingan Terus

Kontraktor : Zecon Berhad

Tarikh Milik Tapak : 30 Mei 2013

Tarikh Siap Semasa : 30 Jun 2018

Kemajuan Projek : Jadual: 29.15 %

(sehingga Sebenar: 27.55 % (Lewat 410 hari)

September 2017)

Sebab-sebab : 1) Masalah kekurangan pekerja di tapak masih  
Kelewatan Projek berlanjutan sehingga kini.

2) Kontraktor masih perlu membawa lebih ramai pekerja dari China untuk meningkatkan kemajuan kerja seni bina. Kontraktor masih belum menambah kumpulan kedua pekerja dari China yang dijanjikan dalam bulan Julai 2017.

3) Kontraktor perlu menambah lebih ramai pekerja untuk kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E), Sivil dan Struktur.

Tindakan yang telah : 1) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan  
Diambil oleh pihak kerja.

JKR

2) Memantau pelan kerja pemulihan kontraktor.

3) Pengarah Projek telah mengeluarkan Notis untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) pada kadar RM89,506.85/sehari pada 25 Mei 2017.